

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HJ. AHMAD B. HAMZAH**

**TARIKH : 18 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keperluan (*wire tapping*) oleh pihak berkuasa dengan alasan usaha pencegahan dan pembanterasan awal untuk sebarang aktiviti jenayah terancang dan aktiviti subversif yang telah mengakibatkan satu pencabulan hak asasi manusia.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian ini tidak menafikan bahawa terdapat keperluan *wire tapping* oleh pihak berkuasa untuk mencegah dan membanteras aktiviti jenayah terancang dan subversif. Walau bagaimanapun, tindakan *wire tapping* ini adalah dibenarkan di bawah peruntukan undang-undang. Sebagai contoh, Seksyen 6 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas 2012) atau SOSMA.

Di bawah Seksyen 6 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas 2012) atau SOSMA, peruntukan tersebut membolehkan mana-mana pegawai polis memintas, menahan dan membuka apa-apa barang pos semasa penghantaran melalui pos, memintas apa-apa mesej yang dihantar atau diterima oleh mana-mana komunikasi atau memintas atau mendengar apa-apa perbualan telefon melalui mana-mana komunikasi yang dipercayai mengandungi maklumat tentang perlakuan kesalahan keselamatan oleh seseorang individu. Namun demikian, dalam pelaksanaan Seksyen 6 ini, pihak polis dikehendaki memohon kebenaran secara bertulis kepada pendakwa raya sebelum sebarang proses pintasan komunikasi dilakukan.

Pintasan atau *wire tapping* ini tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya. Sebarang kelulusan yang diberikan adalah atas alasan keselamatan dan dibuat mengikut kes (*based on case basis*). Ia juga adalah tertakluk kepada tatacara pintasan komunikasi di bawah SOSMA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**SOALAN NO. 101**

**DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terakhir pesakit jantung koronari di Malaysia dan juga anggaran kos rawatan bagi pesakit-pesakit tersebut bagi satu tahun.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Seramai 81,801 pesakit jantung koronari telah mendapatkan rawatan di hospital-hospital KKM bagi tahun 2018, meningkat sebanyak 16.88% dari tahun 2017 (69,989 pesakit) dan 15.52% dari tahun 2016 (70,814 pesakit). Sebahagian dari pesakit jantung berkenaan menerima rawatan dari pakar kardiologi dan pakar bedah kardiotorasik di 10 hospital KKM di seluruh Negara pada tahun 2018, iaitu 29,078 (35.55%) pesakit menerima rawatan prosedur invasif kardiologi *Percutaneous Coronary Intervention (PCI)* dan 859 (1.05%) pesakit menjalani rawatan pembedahan pintasan jantung (*Coronary artery bypass grafting - CABG*). Kos rawatan bagi pesakit jantung yang mendapatkan rawatan di hospital KKM bergantung kepada pelbagai faktor, termasuk caj kemasukan ke wad, ubat-ubatan, prosedur diagnostik dan rawatan, peralatan pakai buang seperti stent dan kos penjagaan rawatan rapi. Kos rawatan pesakit jantung di hospital KKM yang menjalani prosedur *Percutaneous Coronary Intervention (PCI)* adalah dalam lingkungan RM4,454.37 sehingga RM6,401.72, manakala kos rawatan bagi pembedahan pintasan jantung di hospital KKM dalam lingkungan RM21,647.45 sehingga RM35,134.51.

Perbelanjaan keseluruhan rawatan pesakit jantung di bawah perkhidmatan kardiologi di hospital KKM pada tahun 2018 adalah sejumlah RM79,588,000 dan di bawah perkhidmatan pembedahan kardiotorasik adalah sebanyak RM24,125,000.

Sekian, terima kasih.